Source: Berita Harian © SPH Media Limited.
22 November 2021, Page 12
Permission required for reproduction

*Memburu impian seni yang telah lama terpendam melepasi usia 50 tahun adalah nikmat terbesar dua individu berikut kerana ia membuka mata mereka pada dimensi hidup yang tidak pernah difikirkan sebelum ini.* **BERITA HARIAN** *melaporkan kisah dua pencinta seni – seorang yang memikirkan pelan persaraan lebih awal manakala yang seorang lagi yang dahagakan ilmu seni demi memperkaya balai seni yang digerakkannya.*

# *Mengejar impian seni selepas cecah* 50 tahun





**SUDAH BUAT PERANCANGAN AWAL BERNIAGA:** Mantan pegawai penyiasat CID, Encik Kamaruzaman Gaffar, sudah tergerak hati nak berniaga lima tahun sebelum akhirnya bersara. – Foto-foto BH oleh KHALID BABA

**BURU IMPIAN SEBAGAI SEJARAHWAN SENI:** Cik Masturah Sha'ari teroka kegiatan persatuan seni Melayu yang aktif menjana kerja seni seawal 1940-an dalam tesis 'Spirit of Collectivism: Malay Art Societies In Singapore 1940's–1970's'.

## Mantan ASP ghairah teroka bisnes seni lukisan khat Islam yang diminati

▶ **HARYANI ISMAIL**
haryani@sph.com.sg

MERANCANG untuk persaraan jauh lebih awal dan bukan tatkala di ambang tempoh tersebut merupakan prinsip yang dipegang Encik Kamaruzaman Gaffar.

Daripada kerja lasak sebagai pegawai penyiasat di Jabatan Siasatan Jenayah (CID) yang diselubungi suasana cemas saban hari, beliau beralih menjadi usahawan seni lukisan khat dan bahan dekor keislaman kini.

Bapa sepasang kembar perempuan berusia 14 tahun itu kini gigih mengendalikan syarikat reka dan bina XL Design Build Pte Ltd yang menyediakan khidmat bahan hiasan buat masjid, pejabat dan rumah pelanggan.

Masjid Ahmad Ibrahim dan Masjid En-Naeem serta Wisma Geylang Serai (WGS) adalah antara pelanggannya.

Sedang bisnesnya dikendalikan dalam talian, untuk tidak menghampakan mereka yang ingin melihat sendiri bahan dekor itu, Encik Kamaruzaman turut mengusahakan kedai di bangunan Millage sekitar 55 Changi Road.

Di situ, pelanggan boleh meninjau dan menyentuh bahan dekor Islam dan seni khat yang dibekalkan dari Malaysia dan Turkey.

Menceritakan apa yang membuatnya beralih dari dunia siasatan jenayah kepada perniagaan yang menenangkan, lebih-lebih lagi yang berteraskan kesenian Islam, beliau yang berusia 56 tahun, berkata:

"Saya memasuki Pasukan Polis Singapura pada 1982. Awalnya, selepas habis sekolah menengah, saya nak elakkan diri daripada Perkhidmatan Negara (NS).

"Saya tengok gajinya rendah tetapi entah macam mana hari demi hari, saya mula tertarik pada kerja polis sampailah saya berkhidmat selama 37 tahun. Jawatan terakhir saya sebelum bersara adalah Penolong Superintendan Polis (ASP) di CID.

"Alhamdulillah, saya diberi kesempatan terdedah pada kerja polis yang jauh beza daripada rondaan rutin. Saya antara kumpulan penyiasat pertama yang bergegas ke tapak runtuhan Hotel New World, menahan emosi melihat bangkai mayat dan serpihan nahas pesawat SilkAir MI 185 di Palembang, menangani rompakan besar dan pembunuhan ngeri.

"Orang tanya tak rasa takut ke? Saya kata alah bisa, tegal biasa. Baru-baru memanglah saspens. Dah lama-lama, sudah jadi amanah. Saya serahkan segalanya pada Tuhan.

"Namun, lima tahun sebelum bersara, saya tergerak hati meniaga Memang saya boleh terus bekerja tetapi saya inginkan pertukaran udara baru. Lagi pun, kalau nak meniaga, buatlah ketika masih sihat. Saya memang meminati seni khat Islam dan dekor bermotif keislaman.

"Di sini, tidak banyak saingan bagi produk tersebut. Permintaan semakin meningkat dengan kesedaran ramai terhadap agama dan kecenderungan pada estetika bermotif Islam tetapi bekalan kurang."

Encik Kamaruzaman membuat persiapan awal sambil mengamati tugasan rakan niaganya. Antara yang diusahakan adalah mendapatkan ilmu pemasaran digital.

Justeru, tahun lalu, apabila hari persaraan tiba, Encik Kamaruzaman yang juga Naib Pengerusi Lembaga Pentadbir Masjid An-Nur dan pernah terlibat dalam kerja-kerja Jawatankuasa Penduduk (RC), teruja memulakan fasa baru dalam kehidupan.

"Walaupun saya tidak tahu apa-apa tentang perniagaan, tiada salah mencuba asal sahaja hati dan minda kita terbuka untuk pelajari sesuatu yang baru. Ambil pensijilan yang perlu untuk bekalan buat usia persaraan. Jadi tak terbiar bingung dan bosan di rumah.

"Saya rasa nikmatnya sebab berniaga adalah anjuran Rasulullah *saw*. Kalau kita gajikan orang dan kita berkongsi rezeki dengannya, ia juga satu kebahagiaan.

"Ilmu pemasaran digital yang saya pelajari malahan amat berguna dalam era masa kini. Tidak ada batasan usia untuk pelajari sesuatu yang dianggap canggih dan menjadi sandaran ramai anak muda," kongsinya lagi.

Menurut Encik Kamaruzaman, permintaan bagi seni khat amat tinggi sewaktu Ramadan atau musim Hari Raya.

"Antara cabaran yang dihadapi dalam perniagaan produk seni keislaman ini adalah jika produk itu merupakan bingkai berkaca dengan risiko ia retak atau pecah dalam perjalanan dari Malaysia ke Singapura.

"Saya juga dapati menarik apabila kami dapat gunakan produk berteras bahan kalsium, 'celuka', yang lebih tahan lama dan boleh dicorak mengikut kehendak pelanggan," jelasnya.

Tidakkah rindu pada tugas lama?

"Alhamdulillah, khidmat saya masih diperlukan Akademi Home Team. Saya adalah penilai bagi modul kursus siasatan. Saya hanya perlu datang ke akademi sekitar tiga hari sebulan. Kirakan, jalinan dengan kerja pegawai penyiasat masih kekal walau tidak lagi di barisan depan membongkar kes jenayah," katanya.

## Cinta pada seni terus mekar, pemilik galeri seni kini genggam ijazah Sarjana Seni

PERJALANAN seni pemilik bersama balai seni Maya Gallery, Cik Masturah Sha'ari, tidak serupa dengan pelukis lain yang mengikuti pendidikan seni visual dari awal.

Beliau tamat pengajian dari Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 1992 dengan subjek utama Ekonomi dan Pengajian Melayu serta subjek sampingan Statistik.

Berbekal cinta pada seni dan dunia grafik, beliau memperolehi Diploma Komunikasi Rekabentuk daripada Maktab Seni Lasalle pada tahun 2000 pula.

Selepas dua dekad tidak masuk dewan kuliah, Cik Masturah, 52 tahun, ibu tiga remaja, menggagahkan semangat untuk mengambil kursus Sarjana Seni dalam Sejarah Seni Asia daripada Goldsmiths, Univertiti London, menerusi pengajian di Lasalle.

Baru-baru ini, harapan mendalami dunia seni sebagai memperkasa amanah selaku pemilik galeri dan anggota Jawatankuasa Pengurusan Angkatan Pelukis Aneka Daya (Apad) tercapai dengan ijazah sarjana itu dalam tangan.

"Minat saya dalam seni dan reka bentuk bermula sejak kecil. Saya mengambil bahagian dalam peraduan lukisan kanak-kanak dan menangi beberapa anugerah.

"Walaupun arwah ayah saya, Sha'ari Tadin, yang ketika itu Setiausaha Parlimen Kanan bagi Kementerian Kebudayaan (tahun 1970-an) sibuk dengan tugasannya, beliau meluangkan masa membawa saya dan adik-beradik saya yang lain ke acara kesenian.

"Saya mahu jadi seorang seniman dan belajar di Maktab Seni Lasalle. Namun, ibu bapa saya merasakan memandangkan saya berjaya dalam subjek akademik, lebih baik untuk saya lalui pengajian ke NUS.

"Bapa saya bagaimanapun berkata selepas tamat pengajian di NUS dan mempunyai pengalaman bekerja, saya boleh teruskan belajar di Lasalle," cerita Cik Masturah.

Selepas tamat pengajian di NUS, beliau bekerja di Perpustakaan Pusat Rekabentuk di bawah Lembaga Kemajuan Perdagangan (TDB).

Sebagai pustakawan, beliau mengurus koleksi lebih 8,000 buku, jurnal dan video.

Beliau juga menulis laporan pasaran dan perindustrian buat anggota perpustakaan perniagaan.

Pengalaman di situ sudah membuatnya terbuka hati untuk meneruskan pengajian peringkat sarjana suatu ketika nanti.

Namun, permohonannya bagi kursus Sarjana Pengajian Maklumat di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) ditolak berkali-kali.

"Mungkin itu adalah satu isyarat bidang pengajian maklumat bukan buat saya. Kesedaran itu adalah salah satu sebab mengapa saya 'gali' sedalamnya minat dan laluan kerjaya saya yang sebenar.

"Apabila suami saya, Jeffrey Wandly, seorang arkitek, meneruskan pengajian Sarjana Pengurusan Projek di Universiti Australia, anak sulung kami baru berusia setahun.

"Saya membantu menyunting tesisnya dan beliau lulus dengan cemerlang. Saya bergurau dengannya bahawa ijazah sarjana itu adalah pencapaian saya juga!

"Melihat suami memburu pendidikan possiswazah membuatkan saya terfikir akan niat saya mengambil ijazah sarjana saya pula tetapi saya ingin fokus pada kerjaya rekaan dan membesarkan anak-anak kami dahulu," katanya.

Menurut Cik Masturah, apabila usianya mencecah 50 tahun, ia ibarat satu titik tolak untuknya memburu impian menggenggam ijazah Sarjana yang sekian lama diidamkan.

"Kami telah membangun balai seni kami sebaik mungkin tetapi operasi mengendalikan Maya Gallery menjejas kewangan kami. Anak-anak kian dewasa. Yang sulung bakal mulakan pengajian universiti.

"Suami saya berulang-alik dari Singapura ke Hanoi selama lima tahun. Secara kebetulan, saya bertemu Ketua Program Sarjana Sejarah Seni Lukis Asia, Encik Jeffrey Say, apabila seorang sahabat seni meninggal.

"Beliau menekankan tentang betapa program sarjana ini akan memberi manfaat buat karyawan seni seperti saya. Beliau menggalakkan saya memohon," tambahnya.

Dengan restu suaminya, Cik Masturah mulakan pengajian setahun setengah dan menyiapkan tesis bertajuk *Spirit of Collectivism: Malay Art Societies In Singapore, 1940's–1970's.*

Ia meninjau peranan persatuan seni lukis dalam pembangunan dan amalan penggiat seni di Singapura pada tempoh seawal 1940-an lagi.

"Pada waktu itu, tumpuan diberi pada gerakan pelukis Nanyang dari kaum Cina yang lebih menyerlah tetapi wujud juga beberapa persatuan seni lukis Melayu yang menyediakan ruang dan peluang buat pelukis Melayu berkarya.

"Sedang pelukis Cina menerima pendidikan seni mereka di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), bakat pelukis Melayu dicungkil hasil kelas seni Cikgu Aman Ahmad dan M. Sawoot di balai rakyat.

"Pelukis wanita juga membantu membentangkan asas buat persatuan lukisan seperti Apad untuk terus kekal relevan hingga ke hari ini di ambang usianya 60 tahun," cerita Cik Masturah.

Menurutnya, tesis beliau menekankan bahawa pelukis Melayu dalam era awal 1940-an itu iaitu sesudah Perang Dunia Kedua, sudah giat menjana karya seni, mengajar dan mengamjur pameran lukisan.

"Seperti rakan seni mereka daripada bangsa Cina, mereka juga gigih mencipta sejarah dalam dunia seni lukis. Cuma sayangnya, kurang dokumentasi kerja seni mereka. Topik inilah yang ingin saya terus teroka buat rujukan generasi mendatang," jelas Cik Masturah.

Beliau masih ingat kata-kata arwah ayahnya iaitu 'Menuntut ilmu biar sampai ke negara China'.

Ibunya, Hajah Latifah Mohd Tahir, 84 tahun, pula bangga beliau dapat menyambung pengajiannya lagi demi masa depan dan buat dorongan anak-anak.

"Mak saya selalu kata, inilah harapan arwah bapa saya agar anak-anaknya menambah ilmu duniawi dan ukhrawi," jelas Cik Masturah.

Source: Berita Harian © SPH Media Limited.
22 November 2021, Page 12
Permission required for reproduction

**Pursuing a dream in the arts after having had a taste: 50 years old**

Photo caption: PURSUING A DREAM AS AN ART HISTORIAN: In her thesis *'Spirit of Collectivism: Malay Art Societies in Singapore 1940's – 1970's'*, Ms Masturah Sha'ari explores the activities of Malay art associations which had been active in generating works of art as early as the 1940s.

**Love for art continues to blossom, and this art gallery owner now holds a Master of Arts degree**

The artistic journey of the co-owner of Maya Gallery, Ms Masturah Sha'ari, has not been like that of other painters who pursue a visual arts education from the beginning.

She graduated from the National University of Singapore (NUS) in 1992 with a major in Economics and Malay Studies as well as a minor in Statistics.

Armed with a love for the arts and the world of graphics, she obtained a Diploma in Design Communication from LASALLE College of the Arts in 2000.

After two decades without entering a lecture hall, Ms Masturah, 52, a mother of three teenagers, dived into her passion and took up a Master of Arts course in Asian Art Histories from Goldsmiths, University of London, through her studies at LASALLE.

With her master's degree in hand, Masturah has achieved her hope of delving into the art world to fulfil the trust placed in her as a gallery owner and member of the Management Committee of nonprofit art group Angkatan Pelukis Aneka Daya (Apad).

"My interest in art and design started when I was a child. I took part in children's drawing contests and won several awards."

"Although my late father, Sha'ari Tadin, who was then the Senior Parliamentary Secretary for the Ministry of Culture (1970s) was busy with his duties, he took the time to take me and my other siblings to arts events."

"I had wanted to become an artist and study at LASALLE. However, my parents felt that since I excelled in my academic studies, it would be better for me to study at NUS."

"My father, however, said that after graduating from NUS and having gained work experience, I could continue to study at LASALLE," said Ms Masturah.

After graduating from NUS, she worked at the Design Centre Library under the Trade Development Board (TDB).

As a librarian, she managed a collection of over 8,000 books, journals and videos. She also wrote market and industry reports for business library members.

Source: Berita Harian © SPH Media Limited.
22 November 2021, Page 12
Permission required for reproduction

The experience there opened her heart to continue her master's studies at some point. However, her application for the Master of Information Studies course at Nanyang Technological University (NTU) was repeatedly rejected.

“Perhaps that was a sign that the field of information studies was not for me. That realisation is one of the reasons why I ‘dug’ deeper into my true interests and career path.”

“When my husband, Jeffrey Wandly, an architect, went on to study for a Master’s Degree in Project Management at the University of Australia, our eldest son was just a year old. I helped to edit his thesis and he graduated with distinction. I joked with him that the master’s degree was my accomplishment too!”

"Watching my husband pursue a postgraduate education made me think about my intention to take up a master's degree but I wanted to focus on my design career and on raising our children first," she said.

According to Ms Masturah, when she reached the age of 50, it was like a starting point for her to pursue her dream of getting that Master's degree that she had long dreamed of.

“We have developed our art gallery as best we can, but operating Maya Gallery is affecting our finances. The children are getting older and the eldest will start university studies. My husband commuted from Singapore to Hanoi for five years. Coincidentally, I met the Programme Leader of the MA Asian Art Histories programme, Mr Jeffrey Say, when an artist friend passed away.”

“He impressed upon me how this master's programme would benefit artists like me. He encouraged me to apply,” she added.

With the blessing of her husband, Ms Masturah began her studies for a year and a half and completed a thesis entitled *Spirit of Collectivism: Malay Art Societies in Singapore, 1940's – 1970's.*

It examines the role of art associations in the development and practice of art activists in Singapore in the early 1940s.

“At that time, the focus had been on the Nanyang artists’ movement from the Chinese community who were more prominent but there were also several Malay art associations which provided space and opportunities for Malay artists to work.”

While Chinese painters received their art education at the Nanyang Academy of Fine Arts (NAFA), the talents of Malay painters were discovered as a result of Cikgu Aman Ahmad and M. Sawoot's art classes at the community centres.

"Women painters also helped lay the foundation for painting associations such as Apad to remain relevant to this day on the eve of its 60th birthday," said Ms Masturah.

Source: Berita Harian © SPH Media Limited.
22 November 2021, Page 12
Permission required for reproduction

According to her, her thesis emphasises that Malay painters in the early 1940s era, that is after the Second World War, had been actively generating artwork, teaching and organising painting exhibitions.

“Like their art friends from the Chinese race, they had also been diligently creating history in the world of art. Unfortunately, there was a lack of documentation of their artwork. This is the topic that I want to continue to explore for future generations to refer to,” explained Ms Masturah.

She still remembers the words of her late father, which was to ‘seek knowledge until you reach China’. Her mother, Hajah Latifah Mohd Tahir, 84, is proud that she has been able to continue her studies for the sake of her future and as a motivation for her children.

“My mother always said that this is the hope my late father had for his children: to increase their worldly and religious knowledge,” explained Ms Masturah.